

02/12/1997

PJS Resources dapat kontrak RM9.8 juta

PJS Resources Sdn Bhd (PJS Resources), pengeluar tangki komposit bawah tanah yang pertama di negara ini berjaya mendapat kontrak bernilai kira-kira RM9.8 juta daripada Petronas, baru-baru ini.

Kontrak itu adalah untuk menggantikan tangki keluli di stesen milik Petronas di seluruh negara, kata Pengerusi PJS Industries Sdn Bhd (PJS Industries), Datuk Ahmad Johan.

PJS Resources ialah anak syarikat PJS Industries.

Katanya, kontrak yang diperolehi itu membabitkan dua kontrak percubaan masing-masing bernilai RM1 juta dan RM8.8 juta untuk menggantikan semua tangki keluli lama milik Petronas.

Sehubungan itu, katanya, PJS Resources akan mengeluarkan di antara 450 dan 500 unit tangki komposit setahun untuk memenuhi keperluan itu di kilangnya di Kawasan Perindustrian Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah.

"Kejayaan menghasilkan tangki komposit buatan tempatan yang dikenali Hi-Kleen Petrotank sebenarnya adalah kejayaan negara."

"Ini kerana tangki yang diperbuat daripada bahan gentian kaca itu berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa dan menjadikan Malaysia negara ke empat di dunia yang mempunyai keupayaan menghasilkan tangki itu," katanya dalam ucapan pada pelancaran Hi-Kleen Petrotank di Kuala Lumpur, semalam.

Hi-Kleen Petrotank itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahmad berkata, pihaknya terpaksa mengambil masa dua tahun untuk menghasilkan tangki komposit itu dengan kerjasama Sirim Bhd dan Underwriters Laboratories Inc. of USA.

Hi-Kleen Petrotank dihasilkan dengan bahan tahan karat dan menggunakan teknologi pusingan filamen yang unik. Teknologi itu dapat meningkatkan kandungan kaca di antara 50 dan 60 peratus bagi ketahanan tangki jika berada di bawah mampatan yang lebih.

Katanya, tangki komposit itu juga lebih ringan dan mudah dipasang berbanding tangki keluli konvensional dan ia mempunyai hayat perkhidmatan tiga kali ganda berbanding tangki biasa yang akan luput selepas 10 tahun.

Tangki itu juga tahan lasak dan dijamin tidak mengalami kebocoran yang boleh menyebabkan pencemaran kandungan bawah tanah seperti masalah kekaratan, yang kini dianggap masalah sejagat bagi syarikat minyak antarabangsa.

(END)